



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA SERAH GERAN BANTUAN
KEWANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM (RISI)**

PUTRAJAYA – YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara telah menyampaikan Geran Bantuan Kewangan kepada 92 wakil Persatuan Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) dengan kos keseluruhan sebanyak RM5,395,000.00 dalam satu majlis yang berlangsung di Bangunan F8, Presint 1, Putrajaya pada 6 Julai.

2. Penyampaian ini adalah sebahagian daripada peruntukkan Geran Bantuan Kewangan RISI sebanyak RM50 juta oleh pihak kerajaan bagi tahun 2022. Geran khas ini diperuntukkan sebagai usaha berterusan pihak kerajaan bagi membantu pihak pengurusan membaiki dan menyelenggara rumah ibadat supaya berada dalam keadaan yang selamat dan selesa.

3. Keperluan utama dalam agihan peruntukkan ini adalah bagi tujuan pembaikan, penyelenggaraan dan kecemasan yang merangkumi 3 skop utama iaitu kerja-kerja sivil, elektrik dan mekanikal.

4. YB Halimah berharap geran bantuan kewangan yang diagihkan ini dapat membantu pihak pengurusan rumah ibadat berkenaan untuk sentiasa mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan bagi memberi lebih keselesaan kepada penganut yang datang.

Kementerian Perpaduan Negara

7 Julai 2022

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 ()

Lampiran A

Bil	Negeri	Jumlah Rumah Ibadat Selain Islam
1	Johor	16
2	Kedah	13
3	Melaka	8
4	Selangor	17
5	Negeri Sembilan	8
6	Perak	18
7	Perlis	1
8	Pulau Pinang	1
9	Pahang	6
10	W.P Kuala Lumpur	4
Jumlah		92